



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

HALA TUJU BAHARU BANTUAN SOSIAL

PUTRAJAYA, 11 April – YAB Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia hari ini telah menyempurnakan perasmian Malam Apresiasi Sambutan Ulang Tahun Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ke 75 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

Dalam ucapan perasmiannya, beliau berkata “Kerajaan perlu melaksanakan Hala Tuju Baharu Bantuan Sosial memandangkan terdapat 192 jenis bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan melalui pelbagai agensi kepada rakyat yang memerlukan. Bagi memastikan inisiatif ini dapat dilaksanakan, pewujudan pangkalan data berpusat bagi menyelaraskan kelayakan dan rekod penerima bantuan perlu direalisasikan.”

“Kepada semua warga kerja JKM sekalian, saudara dan saudari perlu menjadi agen penyampaian yang proaktif dan cekap di kalangan masyarakat. Ini termasuklah menambahbaik proses permohonan bantuan, mengurangkan kekangan birokrasi dan memastikan bantuan benar-benar sampai kepada mereka yang memerlukan, tanpa mengira agama, kaum dan latar belakang. Sesiapaupun yang memenuhi kriteria kelayakan penerima bantuan perlu dilayan secara adil dan saksama”, ujar YAB Perdana Menteri.

Dalam tempoh 75 tahun, JKM telah berevolusi mengikut peredaran masa dan telah mengembangkan peranannya daripada menyediakan perkhidmatan pencegahan, perlindungan, pemulihan dan pembangunan isu sosial dalam masyarakat kepada menjayakan misi kemanusiaan melalui perkhidmatan pengedaran Bakul Makanan dan juga menguruskan aspek kebajikan di pusat-pusat Kuarantin COVID-19 ekoran penularan COVID-19.

YB Datuk Seri Rina semasa ucapan aluannya telah menyenaraikan lima inisiatif bagi menaik taraf JKM iaitu penstrukturan semula JKM yang melibatkan pengukuhan perkhidmatan, penyelarasan perjawatan dan semakan pengagihan tugas; pemberian elaun khas kepada warga kerja JKM yang berkhidmat di kawasan berisiko dan beban tugas tinggi; penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial; Pemerkasaan Penerima Bantuan melalui pelaksanaan *1 Year Exit Program*; dan Bantuan Tanpa Tunai Kepada Penerima Bantuan (*Cashless*).

Dalam majlis yang sama, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Program Kembara Prihatin Negara (KPN) yang telah bermula pada 1 November 2020. KPN merupakan program turun padang bagi membantu dan menyantuni rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Bantuan yang disalurkan menerusi program ini mendapat sokongan padu melalui sumbangan daripada sektor korporat berkonsepkan *Corporate Social Responsibility (CSR)* dan *Corporate Shared Value (CSV)*. Program ini turut mendapat sokongan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pembabitan masyarakat setempat dalam membantu mereka yang memerlukan.

Pada majlis ini juga, dua orang pegawai JKM telah diangkat sebagai '*Hero dan Heroin Jaket Oren*' bagi menghargai jasa, sumbangan dan peranan cemerlang mereka sebagai barisan hadapan (*frontliner*) dalam melaksanakan tugas-tugas menyantuni masyarakat terutama saat mendepani pandemik COVID-19.

Setelah melebihi tujuh dekad penubuhan JKM, pengenalan Konsep Komuniti Malaysia CARE (cakna, ampuh, realistik dan efisien) amat bertepatan pada masanya apabila peranan dan tanggungjawab dalam pembangunan sosial negara dilaksanakan secara bersama antara agensi-agensi Kerajaan, Badan Korporat dan juga NGO. Diharapkan agar hasrat ini akan dapat direalisasikan dan mendapat sokongan padu daripada semua pihak.

Disediakan oleh

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK)**

No.Telefon

03-8323 1088

Tarikh

11 April 2021